

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENGAJAR**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERUBATAN DAN KESIHATAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**GRED JAWATAN/GAJI** : **U41, U44, U48, U52, U54**

**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(ii) mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang berkaitan; dan  
(iii) telah berdaftar dengan Lembaga dalam bidang yang berkaitan (jika berkenaan).

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: RM2,429.00)

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Gred U29, U32 atau U36, Penolong Pegawai Perubatan Gred U29, U32 atau U36, Juru X-Ray Gred U29, U32 atau U36, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32 atau U36, Jurupulih Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan, Juruterapi Pergigian, Juruteknologi Pergigian dan Penolong Pegawai Farmasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

- TEMPOH PERCUBAAN**
- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U44**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U48**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U52**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U54**
- KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI**
- 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
  - 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  - 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  - 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
  - 10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
  - 11. Pengajar Gred U41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengajar Gred U44 yang kosong apabila telah:
    - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
    - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 12. Pengajar Gred U44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengajar Gred U48 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 13. Pengajar Gred U48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengajar Gred U52 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 14. Pengajar Gred U52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengajar Gred U54 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 15. Pengajar Gred U54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pengajar yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2009).